



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Promoting Seamless Cross Border Education



Our People, Our Community, Our Vision
Malaysia 2015

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Tingkat 14 B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-7968 7002
Faks: 603-7956 9496
Laman web: www.mqa.gov.my

Ruj. Kami : MQA. 100-1/7/1 (10)
Tarikh : 23 September 2015

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 2/2015 – DASAR PINDAH KREDIT DAN PENAMBAHBAIKAN DASAR PROGRAM PEMINDAHAN IJAZAH (*DEGREE TRANSFER PROGRAM, DTP*)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah membuat penambahbaikan Dasar Program Pemindahan Ijazah (*Degree Transfer Program, DTP*). Dasar ini melibatkan pelajar yang mengambil program DTP di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan sebagai persediaan untuk menyambung pengajian di IPT Amerika Syarikat (US), United Kingdom (UK) dan Australia. Penambahbaikan dasar ini adalah seperti berikut:


- i. **Bagi Pelajar American Degree Transfer Program (ADTP) yang Memilih untuk Menyambung Pengajian ke IPT Tempatan**
 - a. Pelajar perlu tamat program ADTP dan melengkapkan kredit program serta lulus sekurang-kurangnya PNGK 2.0;
 - b. Pelajar boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian mereka terus ke tahun 3 di IPT tempatan yang menjalankan program kerjasama 4+0 dengan IPT US; dan
 - c. Bagi pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian di IPT tempatan bagi program yang bukan kerjasama 4+0 dengan IPT US, pelajar boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian mereka terus ke tahun 2.
- ii. **Bagi Pelajar United Kingdom/Australian Degree Transfer Program (UK/Australia, DTP) yang Memilih untuk Menyambung Pengajian ke IPT Tempatan**
 - a. Pelajar perlu tamat program UK/Australian DTP dan melengkapkan kredit program serta lulus sekurang-kurangnya PNGK 2.0; dan
 - b. Pelajar boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian mereka terus ke tahun 3 di IPT tempatan.

3. Walau bagaimanapun, **para 2 (i) dan (ii) adalah tertakluk kepada dasar umum pindah kredit dan syarat pemastautin (*residential year*)** seperti mana yang ditetapkan di perkara 6 (2) dan 6 (5) dalam Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti yang diputuskan melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Jaminan Kualiti (MKSDJK) Bil 1/2011 - 3/2011 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bertarikh 27 Mac 2012.
4. Selaras dengan makluman ini, Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti yang diputuskan melalui MKSDJK Bil 1/2011 - 3/2011 yang dikeluarkan oleh JPT bertarikh 27 Mac 2012 bagi perkara 12 - *American Degree Transfer Program* adalah **terbatal**.
5. Dimaklumkan juga, bagi pelajar Malaysia yang belajar di luar negara dan pelajar asing yang ingin menyambung pengajian di IPT tempatan, **dasar umum pindah kredit dan syarat pemastautin (*residential year*)** seperti mana di para 3 adalah **terpakai**.
6. Sehubungan itu, bagi para 2 (i), (ii) dan para 5 **permohonan hendaklah dibuat terus kepada IPT tempatan tanpa melalui MQA. Senat IPT berkuasa penuh dan bertanggungjawab untuk memastikan pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dilaksanakan dan dasar umum pindah kredit serta syarat pemastautin (*residential year*) dipatuhi sepenuhnya.** Walau bagaimanapun, bagi program pengajian yang melibatkan Badan Profesional maka ia adalah tertakluk kepada bidang kuasa Badan Profesional yang berkaitan.
7. **Pelaksanaan dan pematuhan dasar ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pekeliling ini.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No.Tel : 03-7968 7044
No.Faks : 03-7956 9496
E-mel : mrujhan@mqa.gov.my